

16/01/1997

KPB tubuh pusat pengedaran barangan

Azizi Othman

KONSORTIUM Perkapalan Bhd (KPB), akan menubuhkan pusat pengedaran barangan di seluruh negara untuk membantu semua pengusaha industri logistik tempatan beroperasi dengan lebih cekap dan berkesan daripada segi kos.

Pengerusi Eksekutif KPB, Mirzan Mahathir, berkata sebagai permulaan kumpulan akan melabur RM124.17 juta untuk membangunkan 12 pusat pengedaran terbabit di lokasi yang sudah dikenal pasti, iaitu semua bandar utama.

Katanya, bersama dengan pusat pengedaran sedia ada milik kumpulan, pembangunan kemudahan baru itu akan mencerminkan penerokaan KPB ke sektor perkhidmatan pengagihan.

Beliau menyifatkan pembangunan pusat itu akan merubah keseluruhan industri logistik darat di negara ini yang kini dibelenggu pelbagai masalah pembaziran berikutan ketidakcekapan operasi.

"Kami sudah menjalankan ujian mengenai kegiatan itu dan hasilnya didapati positif. Kini, kami sudah bersedia penuh mengusahakannya," katanya selepas mesyuarat agung luar biasa KPB, di Petaling Jaya, semalam.

Menerusi pusat pengedaran itu, KPB akan memberi perkhidmatan penghantaran dan pungutan kargo setempat bersepadu kepada semua syarikat pengangkut dan pengendali logistik tempatan.

Selepas menghantar kargo mereka ke situ, pengendali juga boleh mengambil kargo lain untuk dibawa ke lokasi pusat pengedaran lain yang berada dalam perjalanan pulang kenderaan terbabit.

Kargo yang berada di pusat pengedaran itu kemudiannya akan diangkut oleh KPB atau pengendali lain ke destinasi sebenarnya dan keseluruhan proses itu dijangka dapat meningkatkan kewibawaan industri logistik tempatan.

"Konsep asas pelaksanaan khidmat ini ialah dengan mengurangkan jumlah perjalanan dan memaksimumkan muatan yang akan menjurus kepada penjimatan kos dan penambahan pulangan kepada pengendali," katanya.

Mirzan berkata, dalam jangka panjang, KPB bercadang untuk membina satu pusat pengedaran itu bagi setiap kawasan dengan keluasan 30 kilometer radius untuk membolehkan dimanfaatkan dimaksimumkan.

Beliau berkata, sehingga kini beberapa syarikat pengendali logistik yang menggunakan khidmatnya berpuas hati dengan manfaat yang diperoleh dan lebih ramai lagi dijangka menyertai program itu.

Katanya, selain penjimatan kos, pengendali logistik juga akan mendapat faedah tambahan seperti pembayaran yang terjamin daripada KPB. Semua urusan dokumen bagi kargo terbabit juga akan dikendalikan oleh KPB.

"Dengan khidmat itu, pengendali logistik yang terbabit sebenarnya hanya perlu mengangkut kargo dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan kemudian memungut bayaran.

"Mereka tidak perlu bimbang mengenai kemungkinan lori mereka mungkin kosong dalam perjalanan pulang kerana muatan sentiasa ada berikutan ia diuruskan secara setempat oleh KPB," katanya.

Mirzan berkata, selain menjamin pulangan lebih lumayan kepada pengendali ia juga dijangka dapat meningkatkan kecekapan serta kewibawaan industri logistik tempatan dan pada masa yang sama, mengelak pembaziran.

(END)